



**PENGURANGAN YURAN PELAJARAN
BAGI PELAJAR PROGRAM ASASI DAN DIPLOMA SEPENUH MASA UTM
17 OGOS 2020**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak SPACE, UTM bersetuju untuk memberikan pengurangan yuran pengajian sebanyak 5% daripada yuran pelajaran kepada pelajar Program Asasi dan Diploma sepenuh masa bagi Semester 1, Sesi 2020/2021. Berikut adalah kadar yuran yang baharu:

Kategori Pelajar	Yuran Pengajian Semester 1, Sesi 2020/2021			Yuran Pengajian Selepas Potongan 5% Yuran Pelajaran
	Yuran Perkhidmatan	Yuran Pelajaran	Yuran Pengajian	
Pelajar Baharu				
<i>Diploma Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,800.00	RM5,450.00	RM5,210.00
<i>Diploma Bukan Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,480.00	RM5,130.00	RM4,906.00
<i>Diploma Seni Bina</i>	RM650.00	RM5,376.00	RM6,026.00	RM5,757.20
<i>Pra Diploma Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM2,000.00	RM2,650.00	RM2,550.00
<i>Pra Diploma Bukan Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM1,800.00	RM2,450.00	RM2,360.00
<i>Asasi Tempatan</i>	--	RM3,400.00	RM3,400.00	RM3,230.00
<i>Asasi Antarabangsa</i>	--	RM5,000.00	RM5,000.00	RM4,750.00
Pelajar Kanan				
<i>Diploma Kejuruteraan</i>	RM325.00	RM3,000.00	RM3,325.00	RM3,175.00
<i>Diploma Bukan Kejuruteraan</i>	RM325.00	RM2,800.00	RM3,125.00	RM2,985.00

Nota:

1. Yuran Pengajian ialah Yuran Pelajaran tambah Yuran Perkhidmatan
2. Yuran Pelajaran untuk pelajar Asasi termasuk Yuran Perkhidmatan
3. Pelajar yang telah membuat bayaran penuh, lebihan bayaran akan dibawa ke semester hadapan

3. Pihak SPACE, UTM juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh bayaran penuh yuran Semester 1, Sesi 20/21 kepada tarikh 30 Ogos 2020.

4. Beberapa bentuk insentif melalui pemberian pengurangan yuran pelajaran juga ditawarkan kepada pelajar baharu Program Diploma sepenuh masa jika bayaran penuh yuran pengajian dibuat sebelum 30 Ogos 2020. Berikut adalah senarai insentif diskaun pembayaran yuran pelajaran:

Potongan 10% bagi pembayaran penuh Yuran Pengajian untuk 2 Semester (1 Tahun)					
Program	Yuran Perkhidmatan/semester	Yuran Pelajaran/semester	Yuran Pengajian/Tahun	Yuran Pengajian Selepas Potongan 10% Yuran Pelajaran	Jumlah Potongan
<i>Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,800.00	RM10,900.00	RM9,940.00	RM960.00
<i>Bukan Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,480.00	RM10,260.00	RM9,364.00	RM896.00
<i>Seni Bina</i>	RM650.00	RM5,376.00	RM12,052.00	RM10,976.80	RM1,075.20
Potongan 15% bagi pembayaran penuh Yuran Pengajian untuk 6 Semester (5 Semester untuk Diploma Seni Bina)					
Program	Yuran Perkhidmatan/semester	Yuran Pelajaran/semester	Jumlah Yuran Pengajian	Yuran Pengajian Selepas Potongan 15% Yuran Pelajaran	Jumlah Potongan
<i>Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,800.00	RM32,700.00	RM28,380.00	RM4,320.00
<i>Bukan Kejuruteraan</i>	RM650.00	RM4,480.00	RM30,780.00	RM26,748.00	RM4,032.00
<i>Seni Bina</i>	RM650.00	RM5,376.00	RM30,130.00	RM26,098.00	RM4,032.00

Nota:

1. Jumlah pengurangan telah mengambil kira pemberian pengurangan 5% seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2.
2. Tertakluk kepada pelajar baharu sahaja.

4. Semua info dan maklumat mengenai SPACE, UTM akan dimaklumkan dari masa ke semasa dari pihak SPACE, UTM. Sila layari <http://space.utm.my/diploma/> atau <https://studentdiploma.utmspace.edu.my/> bagi maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. AZLAN BIN AB RAHMAN

Pengarah Urusan dan Ketua Pengawai Eksekutif
UTMSPACE

☎ : 07-531 8040

☎ : 07-561 0339

✉ : azlan@utmspace.edu.my